

Segerakan rundingan pembenihan awan

PASIR GUDANG 24 Ogos - Kerajaan Pusat perlu menyegerakan rundingan dengan Singapura bagi membolehkan ruang udara negara itu digunakan untuk proses pembenihan awan ekoran Empangan Sungai Layang, di sini berada pada paras kritikal.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pihaknya dimaklumkan Singapura memahami masalah dihadapi rakyat negeri ini dan bersedia memberi lampu hijau bagi membolehkan proses tersebut dilakukan.

“Urusan ini akan dibuat Kerajaan Pusat kerana mengikut prosedur mem-babitkan dua buah negara dan kita ber-harap urusan tersebut dapat disegerakan.

“Buat waktu ini, kita akan terus mengepam air dari Sungai Johor bagi menampung kekurangan beka-

lan air di empangan ini,” katanya kepada pemberita ketika membuat lawatan kerja ke Empangan Sungai Layang, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan luar Bandar dan Wilayah negeri, Datuk Ir. Hasni Mohammad dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Md. Za’nal Misran.

Empangan tersebut yang membekalkan air kepada 116,000 pemilik akaun kini mencatat bacaan 19 meter, di bawah paras kritikal yang ditetapkan iaitu 23.5 meter.

Tambah Mohamed Khaled, bekalan air berjadual yang dibuat sejak beberapa hari lalu di Pasir Gudang dan sekitar Johor Bahru hanya akan dihentikan sekiranya paras empangan kembali normal.



MOHAMED KHALED NORDIN melihat peta kawasan tadahan air sambil diberi taklimat oleh Md. Za’nal Misran (kiri) sambil diperhatikan Hasni Mohammad (kanan) ketika meinjau Empangan Sungai Layang di Masai, Johor, semalam.